

Pasak nilai integriti penjawat awam tepis godaan rasuah



Perunding Latihan
Institut Tadbiran
Awam Nasional
(INTAN)

Oleh Muhammad Ikram Abdul Halim
bhrencana@bh.com.my

Kepemimpinan berkesan seperti ditegaskan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam dialog eksklusif, *A Conversation with Anwar Ibrahim* pada Forum Ekonomi Dunia (WEF) 2025 di Davos, perlu menunjukkan komitmen tinggi terhadap usaha membasmi rasuah.

Malah, ia selaras dengan peranan Malaysia selaku Kepengerusian ASEAN tahun ini dan tentunya antara fokus utama Anwar adalah untuk memperkasa usaha memerangi rasuah.

Justeru, semangat ini perlu disambut seluruh sektor agar ia dapat direalisasikan berte-raskan prinsip kebertanggungjawaban bersama.

Namun, realiti pahit terpaksa ditelan adalah rasuah terus menjadi 'duri dalam daging' menagguhkan kemajuan negara dan memberi dampak kepada setiap lapisan masyarakat.

Apabila meresap ke dalam urat nadi, ia bukan sahaja meruntuhkan institusi negara, bahkan menghakis nilai murni membentuk jati diri bangsa.

Kemajuan negara sebenar tidak akan tercapai dengan merelakan keruntuhan jati diri bangsa meskipun bangunan pencakar langit tersergam indah dibina.

Jati diri bangsa bukan hanya mengenai sejarah, budaya atau adat resam, sebaliknya roh membentuk setiap tindakan rakyat dan mencorak sebuah negara. Jati diri sebenar adalah apabila individu

berpegang teguh kepada nilai murni seperti kejujuran, keadilan dan integriti.

Dalam konteks perkhidmatan awam, usaha memperkukuh jati diri penjawat awam jelas terpancar tatkala penekanan terhadap penghayatan nilai murni menjadi antara fokus utama di bawah Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam dilancarkan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar.

Di bawah agenda ini, 'Penghayatan Nilai dan Tatakelola' diposisikan sebagai Teras Keberhasilan Reformasi (TKR) pertama daripada lima TKR dirangka, menjadi petanda keseriusan pentadbiran hari ini untuk memberikan penekanan terhadap nilai seperti integriti, akauntabiliti dan patriotisme.

Hayati nilai integriti

Penghayatan nilai integriti sebenar dan dipasak perasaan cinta kepada negara perlu menjadi ikhtiar ampuh sebagai pelindung dari sebarang ruang dan peluang untuk wabak rasuah menjangkiti.

Seperti kata-kata Mahatma Gandhi, 'hiduplah seperti kau akan mati esoknya, belajarlah seperti kau akan hidup selamanya', usaha membentuk jati diri penjawat awam utuh perlu dipacu dengan proses latihan dan pembelajaran berterusan.

Berdasarkan Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS) 2024-2028, antara inisiatif perlu dilaksanakan ketua setiausaha dan ketua jabatan di Kementerian, jabatan dan agensi adalah Substrategi 1.10: Menjamin Pelaksanaan Modul Pengukuhan Governans, Integriti dan Antirasuah (MPGIA).

Susulan itu, surat edaran Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA) menjelaskan inisiatif terbabit dapat direalisasikan melalui pelaksanaan kursus khas MPGIA.

Pelaksanaan kursus khas ini ditetapkan kekerapan pelaksanaannya sekurang-kurangnya sekali setahun, membabitkan seluruh warga kementerian, jabatan dan agensi serta perlu dilaporkan kepada Bahagian Pengurusan Integriti (BPIA), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Justeru, semboyan ini sudah pasti menzahirkan penekanan dalam pembentukan jati diri penjawat awam menerusi penghayatan nilai murni seperti integriti dan tadbir urus baik.

Di Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), pelbagai latihan kursus menarik ditawarkan dalam usaha membentuk jati diri penjawat awam seperti Kursus Etika Perkhidmatan Awam, Kursus SMART Integriti dan Kursus Pembentukan Minda Beretika.

Kursus seperti ini penting untuk dijadikan ruang pembelajaran, peringatan dan suntikan semangat kepada penjawat awam kerana setiap tugas serta tanggungjawab digalas hadir bersama pelbagai ujian dan cabaran yang kadangkala akan menguji jati diri sebenar.

Penjawat awam mempunyai jati diri kukuh akan berani mengatakan tidak kepada rasuah, meskipun dikelilingi godaan dan tekanan.

Misi besar untuk mensifarkan rasuah seharusnya menjadi impian seluruh rakyat Malaysia. Usaha biarkan segelintir kumpulan manusia rakus menjadikan rasuah sebagai lubang memperoleh nikmat untuk berleluasa serta meruntuhkan nilai murni diwarisi leluhur bangsa.